

Buletin Kkkp


KOLEJ KOMUNITI
KUALA PILAH

WACANA

Edisi 5 2021

#KOLEJBAIKIHIP

<https://kkkualapilah.mypolycc.edu.my>



Kisah Graduan Cemerlang Konvokesyen N. Sembilan 2021

IKUTI KISAH PERJALANAN KKKP SEPANJANG TAHUN 2021
KONVOKESYEN SECARA MAYA KOLEJ KOMUNITI NEGERI SEMBILAN
KKKP DAH ADA KEDAI MEMBAIKI TELEFON
KISAH SEDIH KEHILANGAN SAHABAT
KOLABORASI BERSAMA INDUSTRI
BUBUR LAMBUK DAN LAIN LAIN

Follow Us



kolej komuniti kuala pilah



SIDANG REDAKSI

Penaung

Ts. Ahmad Afandi bin Abd Khalil

Penyelaras

Pn. Normazlina binti Othman
Pn. Farah Zurin binti Salleh

Ketua Editor

En. Amir Arief bin Zainal Abidin

Editor

Pn. Siti Ubaidah binti Yusuf

Penulis / Penyumbang

Pn. Nor Azura binti Samsudin
Pn. Siti Ubaidah binti Yusuf
Pn. Norolizah binti Abu Hassan
En. Amir Arief bin Zainal Abidin
Muhammad Afiq bin Bairon
Hj. Mohd Shafie bin Rahaman
Puan. Helmiyah bt Othman
Pn. Norzita Suzalin binti Mohd Ali
Pn. Halijah binti Ismail
Pn. Izyani bt Ahmad
Pn. Nor Azura bt Samsudin

Ilustrasi

En. Amir Arief bin Zainal Abidin



BICARA PENGARAH KKKP

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera,

Sedar atau tidak, tahun 2021 merupakan tahun ke-2, negara dan dunia dilanda wabak Covid19. Penularan wabak ini telah menyebabkan perkhidmatan di banyak sektor, termasuk sektor pendidikan sedikit terjejas. Beberapa amalan baru seperti bekerja dari rumah (BDR), penggiliran kakitangan dan larangan aktiviti secara bersemuka telah mempengaruhi lanskap dan proses kerja di pejabat. Walaupun begitu, dengan kerjasama dan komitmen yang baik dari semua warga KKKP, kita mampu menghadapi cabaran ini bersama - sama.

Sekalung tahniah diucapkan kepada semua warga KKKP atas semua pencapaian yang diperolehi sepanjang 2021 yang lalu. Besarlah harapan saya sebagai wakil pengurusan tertinggi kolej agar semua warga kolej dapat mengekalkan momentum bekerja dan meningkatkan kompetensi walaupun pelbagai cabaran yang datang di kala Covid19 melanda negara. Semua warga harus bersedia dan menerima Covid19 sebagai sebahagian dari kehidupan namun, masih perlu sentiasa mengutamakan kesihatan diri dan keluarga.

Tidak lupa ucapan terima kasih kepada sidang redaksi dan penyumbang artikel bagi Buletin Wacana kerana berjaya menerbitkan buletin edisi 2021 ini, walaupun dihambat berbagai tugas yang lain. Akhir kata, saya dengan ikhlas berharap agar KKKP terus melangkah maju ke hadapan dan mencipta lebih banyak kejayaan ke arah merealisasikan visi kolej sebagai peneraju TVET yang unggul.

Sekian, Wassalam.

Ts. Ahmad Afandi Abd Khalil
Pengaroh KKKP



KONVOKESYEN NEGERI SEMBILAN 2021

Norolizah binti Abu Hassan

Unit Peperiksaan Kolej Komuniti Negeri Sembilan, telah menganjurkan Majlis Konvokesyen Negeri Sembilan 2021 secara langsung di alam maya (vitual) buat julung-julung kalinya. Program yang diraikan di majlis konvokesyen kali ini ialah Program Sijil Teknologi Peranti Mudah Alih.



Secara umumnya, majlis konvokesyen ini diadakan adalah untuk meraikan para graduan yang telah Berjaya menamatkan pengajian mereka selama 2 tahun belajar di kolej selepas menjalani latihan industri dengan jayanya. Seramai 17 orang lulusan dari Kolej Komuniti Kuala Pilah telah diraikan di

majlis konvokesyen ini.

Kohort 1 : 12 orang

Kohort 2 :5 orang

Pelajar dari Kolej Komuniti Kuala Pilah telah menerima ANUGERAH GRADUAN CEMERLANG di kalangan graduan Kolej Komuniti Negeri Sembilan iaitu Barmawi Bin Marsuki. Beliau juga merupakan penerima Anugerah Terbaik Program bagi Lulusan Jun 2020 (Kohort 1)



Nor Raihan Nabila Binti Zuhaimi merupakan penerima Anugerah Terbaik Program bagi Lulusan Feb 2021 (Kohort 2).

Diharapkan dengan adanya majlis konvokesyen ini dapat meningkatkan minat graduan KKKP untuk terus menyambung pelajaran di masa akan datang dan terus meningkatkan kemahiran untuk memajukan diri dan keluarga.



PROGRAM SIJIL TEKNOLOGI PERANTI MUDAH ALIH

KEDAI BAIKI TELEFON DI KKKP

Tahun 2021 merupakan tahun untuk membina semula apa yang telah membantutkan segala usaha akibat daripada pandemik. seperti yang kita maklum pandemik banyak memberi kesan kepada para usahawan kecil di negara ini. Dengan berbekalkan ruang yang tersedia, KKKP dengan kerjasama Aiman Gadget Kuala Pilah telah membuka sebuah kiosk perkhidmatan membaiki telefon pintar. Kiosk yang terletak betul-betul di hadapan Bengkel Baikpulih Peranti Mudah Alih ini menyediakan perkhidmatan membaiki dan



menjual telefon pintar. Diusahakan oleh alumni KKKP sendiri saudara Afiq Aiman dan mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan servis telefon pintar. Semoga kiosk Aiman Gadget Kuala Pilah terus maju dan memberikan perkhidmatan terbaik buat pe-

SOH HUI SHENG YANG DIINGATI

Pada 24 Mei 2021 warga KKKP dikejutkan dengan berita pemergian salah seorang pelajar semester akhir iaitu Soh Hui Sheng akibat jangkitan Covid 19. Berita sedih ini telah disampaikan oleh keluarga mendiang kepada pihak KKKP. Kami berharap agar keluarga mendiang bersabar menempuhi ujian ini dan sekali lagi kami mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang.



WATIKAH PELANTIKAN JPP 2021

Penerapan nilai kepimpinan menjadi salah satu elemen penting dalam pembentukan modal insan. KKKP memandang serius dalam perkara ini, justeru itu satu majlis watikah Pelantikan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar bagi Sesi 1 2021/2022 telah diadakan di Dewan Reflesia KKKP. Majlis diadakan pada 17 November 2021 dan telah disempurnakan sendiri oleh Pengarah KKKP. Seramai 10 orang JPP telah dilantik dan melaungkan ikrar untuk berkhidmat mewakili pelajar. Semoga dengan kehadiran JPP ini dapat memberi manfaat dan memudahkan urusan pelajar.



TAHNIAH PENERIMA APC 2020

Seluruh warga KKKP mengucapkan jutaan tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang untuk tahun (APC) 2020. KKKP telah menerima 2 calon APC 2020 iaitu En. Amir Arief bin Zainal Abidin yang memegang portfolio pensyarah dan seorang lagi adalah Puan Norolizah binti Abu Hassan yang memegang portfolio sebagai Pegawai Peperiksaan KKKP.

Sekali lagi warga KKKP mengucapkan tahniah dan semoga dengan anugerah ini tuan dan puan lebih bersemangat untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik.



UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI

Hairol Samsol bin Ithnin

PROGRAM PENYELENGGARAAN DAN BAIKPULIH TELEFON PINTAR

Penganjuran Program Latihan Penyelenggaraan dan Baikpulih Telefon Pintar dibawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) telah berjaya dilaksanakan dengan cemerlang



selama 10 hari bermula dari 20 Oktober sehingga 29 Oktober 2021. Matlamat program PENJANA telah tercapai iaitu kesemua peserta seramai 20 orang telah ditawarkan pekerjaan sebagai juruteknik penyelenggaraan dan baikpulih telefon pintar di syarikat-syarikat yang telah menjalinkan usahasama dalam program ini. Para peserta juga dilihat telah berjaya mencapai



objektif dirancang antaranya ialah peningkatan kebolehpasaran bagi golongan graduan yang



masih belum bekerja melalui program latihan untuk mendapatkan kemahiran serta meningkatkan kemahiran. Selain itu, impak program ini dilihat sangat besar iaitu dengan mewujudkan peluang pekerjaan kepada peserta yang mengikuti program latihan ini dimana kesemua peserta telah ditawarkan pekerjaan selepas program berlangsung. Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang ditetapkan dibawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

DIALOG BERSAMA INDUSTRI BERSEDIakah ANDA?



Kolaborasi bersama industri merupakan salah satu elemen penting di dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang efektif serta kondusif. Ini bagi memastikan setiap institusi

memenuhi kehendak dan keperluan industri disamping melahirkan graduan yang mempunyai sifat keusahawanan dan mesra industri. Unit Kolaborasi dan Keusahawanan telah menganjurkan suatu program bersama industri pada 23 September 2021 secara atas talian.

Kami berbesar hati menjemput Encik Ahmad Yusni dari Soho Point Solution selaku rakan kolaborasi KKKP untuk berkongsi pengalaman dan kejayaan beliau di dalam bidang perkhidmatan servis telefon pintar. Selain

itu kami juga menjemput seorang Alumni KKKP iaitu saudara Barmawi untuk memberi tips-tips penting ketika menjalankan latihan industri. Program yang dihadiri semua pelajar ini benar-benar memberi impak yang positif terutama kepada pelajar semester 3.



UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI

KOLABORASI INDUSTRI BERSAMA SOHO POINT SOLUTION

Jalinan Kolaborasi antara Kolej Komuniti Kuala Pilah dengan Soho Point Solution adalah sebuah syarikat di mana perkhidmatan yang disediakan

adalah industri telekomunikasi. Antara produk yang ditawarkan adalah perkhidmatan telekomunikasi seperti baik pulih dan juga senggaraan peranti mudah alih serta kursus dan latihan. Jalinan Kolaborasi antara Kolej Komuniti Kuala Pilah dengan Soho Point Solution telah bermula sejak tahun 2019 dengan penglibatan bersama Kolej Komuniti Kuala Pilah dari segi ceramah industri, menyediakan tempat untuk pelajar menjalani latihan industri, panel kesepakaran dan membuka peluang kerjaya kepada pelajar Kolej Komuniti Kuala Pilah. Jalinan Kolaborasi ini diperkemas secara rasmi pada tahun 2021 oleh Kolej Komuniti Kuala Pilah dengan tumpuan kerjasama strategik dalam bidang akademik dan latihan.

Jalinan kolaborasi ini merupakan satu inisiatif yang dapat memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak dan dapat mewujudkan kerjasama yang erat diantara Kolej Komuniti Kuala Pilah dengan pihak industri.




LAWATAN KKKP KE BARDFITRI REVOLUTION

Program Lawatan Industri yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk

menjalinkan kerjasama strategik dalam bidang peranti mudah alih. Program ini juga untuk memudahkan penglibatan pihak industri bersama Kolej Komuniti Kuala Pilah dari segi ceramah industri, menyediakan tempat untuk pelajar menjalani latihan industri, panel kesepakaran dan membuka peluang kerjaya kepada pelajar Kolej Komuniti Kuala Pilah. Program lawatan industri ini juga akan diperkemas lagi dengan menandatangani nota kerjasama strategik di antara Kolej Komuniti Kuala Pilah bersama Bardfitri Revolution dengan tumpuan kerjasama strategik dalam bidang akademik dan latihan.

Jalinan kolaborasi ini merupakan satu inisiatif yang dapat memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak dan dapat mewujudkan kerjasama yang erat diantara Kolej Komuniti Kuala Pilah dengan pihak industri.



UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

Izyani binti Ahmad

PROGRAM SINAR RAMADAN KKKP 2021

Seramai lebih kurang 40 orang peserta telah menjayakan program Sinar Ramadhan yang telah dianjurkan pada 27 April 2021 yang lalu. Program yang berbentuk sukarelawan ini merupakan salah satu

program antara Kolej Komuniti Kuala Pilah bersama NGO Yayasan Ikhlas.

Program bermula seawal 8 pagi, dimana pelajar dan kakitangan bergotong royong menyediakan bahan bagi penyediaan Bubur Lambuk. Semangat kerjasama dan komitmen antara peserta program sangat baik dan berterusan sehingga proses pengagihan bubur lambuk.



Tepat jam 3.30 ptg, majlis Penyerahan Bubur lambuk dan Sumbangan Bakul Kasih (ditaja oleh pihak Yayasan Ikhlas) kepada asnaf Kariah Masjid Kg. Parit, Kuala Pilah berlangsung. Seramai 35 asnaf telah terpilih untuk menerima sumbangan pada kali ini. Sebanyak 100 bekas Bubur Lambuk telah disumbangkan kepada semua kariah masjid.

Agihan Bubur Lambuk dan Biskut Raya diteruskan kepada pesakit dan staf dari Wad Kanak-Kanak dan ICU Kanak-Kanak. Sebanyak 230 bekas bubur lambuk dan 150 beg kuih raya telah disampaikan kepada Pengarah HTAN dan Ketua Pakar Kanak-Kanak HTAN untuk diagihkan.



Sumbangan bubur lambuk juga telah diagihkan kepada masyarakat sekitar kolej seperti Sekolah Tahfiz Darul Ulum, Kolej Komuniti Jempol dan pelanggan pasaraya Econsave.

Program telah selesai dengan jayanya pada pukul 5ptg.



UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

Satu program Taklimat dan Pemeriksaan Gigi telah diadakan pada 30 November 2021 dengan kerjasama Klinik Pergigian Kuala Pilah. Taklimat bertujuan mendedahkan pelajar tentang kepentingan penjagaan gigi yang betul dan penyakit berkaitan gusi.

PROGRAM KESIHATAN GIGI PELAJAR KKKP

Program bermula dengan Taklimat oleh wakil dari Klinik Gigi Kuala Pilah, Dr. Sukkania. Taklimat ini mendedahkan cara penjagaan gigi yang betul serta punca berlaku penyakit gusi dan gigi. Pelajar juga didedahkan dengan pelbagai kaedah rawatan pergigian yang boleh didapati di klinik-klinik pergigian.



Seterusnya, sesi pemeriksaan gigi pelajar dijalankan. Setiap pelajar juga dibekalkan dengan berus gigi dan ubat gigi percuma oleh klinik pergigian.

Program berakhir tepat jam 12.30 tegahari.

MAJLIS PRAGRADUAN SEMESTER 3 | 2021 2022

Seramai 19 orang pelajar semester akhir dan 4 orang pelajar sem 2 telah diraikan pada majlis ini yang diadakan pada 11 Januari 2022 yang lalu. Majlis ini bertujuan meraikan pelajar semester akhir sebelum

mereka menjalani Latihan Industri.

Program bermula dengan lagu Negaraku dan lagu Kolej Komuniti. Ucapan oleh YDP JPP selaku wakil pelajar seterusnya amanat dan nasihat dari tuan Pengarah. Majlis diteruskan dengan Penyampaian Anugerah Pengarah kepada pelajar yang cemerlang akademik.



Majlis diserikan dengan persembahan dari kelas STA 3A dan 3B serta penyampaian cenderahati kepada pelajar semester akhir dari pihak kolej.



UNIT PENGAMBILAN



HARI PENDAFTARAN
PELAJAR SESI I 2021 2022

Nor Azura bt Samsudin

Pada 22 September 2021, Kolej Komuniti Kuala Pilah telah melaksanakan pendaftaran pelajar baharu yang berlangsung dalam suasana norma baharu berikutan pandemik Covid19. Pada kali ini, sesi pendaftaran dibuat secara dalam talian sepenuhnya. Bermula sesi ini, bayaran yuran pengajian menggunakan kaedah JomPAY dan penghantaran dokumen menggunakan kurier. Proses pendaftaran berjalan dengan lancar kerana mendapat kerjasama pelajar dan ibu bapa sepenuhnya. Seramai 31 orang pelajar telah berjaya mendaftarkan diri bagi Sijil Teknologi Peranti Mudah Alih.

Setelah didaftarkan, para pelajar telah diberi pendedahan mengenai sistem kolej komuniti dan peraturan yang perlu dipatuhi sepanjang bergelar pelajar. Taklimat ini telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Akademik, Ketua Program dan Pegawai Pembangunan Pelajar. Kesemua 31 pelajar yang mendaftar juga telah membacakan lafaz ikrar sebagai pelajar yang telah dilakukan secara maya melalui aplikasi Google Meet dengan disaksikan oleh ibubapa dan barisan pensyarah. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pelajar.

Kuliah bermula pada 27 September 2021 secara dalam talian sepenuhnya. Kuliah bersemuka bermula pada 14 November 2021.



UNIT PENGAJIAN AM

Muhammad Afiq b. Basiron

HIKING BUKIT SENALING 2021



Pada 12 Disember 2021 Pelajar STA 3B telah mengadakan program yang berkonsepkan alam semula jadi. PROGRAM HIKING BUKIT SENALING 2021. Untuk program MPU 1231 Kemahiran Insaniah ini pelajar STA 3B memilih untuk melakukan aktiviti rekreasi dan semua perancangan program diatur dengan beberapa siri perbincangan di peringkat pelajar. Bermula pada jam 6 pagi dan



melakukan solat subuh di tengah perjalanan pendakian. Tepat jam 8 pagi semua pelajar selamat sampai ke puncak. Antara program di puncak adalah menikmati



awan karpet, mengutip sampah, dan bergambar kenangan. Pada jam 12 tengahari pelajar-pelajar tiba di camp site dalam keadaan baik.

KERJA AMAL PASCA BANJIR N. SEMBILAN

Pada 21 Disember 2021, Pelajar Kolej Komuniti Kuala Pilah yang terdiri daripada pelajar STS 3 A turut turun padang dalam usaha pengasingan barangan bantuan orang ramai di Kompleks Sukan Seremban. Bermula dari barangan keperluan harian sehingga barangan makanan semuanya disusun dan diagihkan bagi memudahkan NGO mengagihkan dan penerima menerima bantuan barang yang diperlukan. Usaha ini mendatangkan manfaat dimana pelajar dapat bersama-sama dalam usaha misi bantuan di Negeri Sembilan. Walaupun ianya adalah sebuah program akhir pada modul MPU 1231 KEMAHIRAN INSANIAH, tetapi ianya memberi nilai tambah kepada modal insan supaya memikirkan sesuatu sumbangan untuk masyarakat.




UNIT LATIHAN DAN PEMBANGUNAN STAF

KURSUS MULTIMEDIA INTERAKTIF E BOOK

Wabak Covid19 yang melanda dunia, telah meningkatkan kebergantungan seseorang kepada peranti mudahalaih dalam aktiviti sehari-

an, samada untuk membaca, bermain permainan video, berkomunikasi dan banyak lagi. Sesuai dengan situasi tersebut, Unit Latihan & Pembangunan Staf KKKP telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan satu kursus iaitu Kursus Pembangunan Multimedia Interactive e-Book atau Mobile-Books.

Siti Ubaidah bt Yusuf




Kursus yang diadakan pada 2 November 2021 yang lalu telah mendapat bimbingan daripada pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Port Dickson iaitu En. Wong Kee Meng. En. Wong mempunyai pengalaman yang luas dalam penghasilan interaktif e-Book dan pernah memenangi beberapa pingat dalam pertandingan inovasi melibatkan kategori teknologi maklumat. Bertepatan dengan salah satu objektif kursus iaitu untuk meningkatkan penyertaan pensyarah dalam pertandingan inovasi, semua peserta yang menghadiri kursus ini telah dibahagikan ke-

KURSUS PENSIJILAN MOS POWERPOINT 2019 ASSOCIATE



Kursus Pensijilan MOS (MS PowerPoint 2019 - Associate) ini telah dianjurkan oleh Unit Latihan & Pembangunan Staf, Kolej Komuniti Kuala Pilah sebagai satu platform dalam meningkatkan kompetensi pensyarah bidang teras khususnya pensyarah kolej komuniti di Negeri Sembilan & Melaka sekali gus memperkayakan bakat warga kerja

yang efektif. Kursus yang telah dijalankan secara atas talian selama 2 hari bermula 20-21 November 2021 lalu melibatkan seramai 15 orang pensyarah dari Kolej Komuniti di Negeri Sembilan dan Melaka yang belum memenuhi KPI 13 (PERSIST) bagi tahun 2021 sehingga sukuan ke-3. Semua peserta kursus telah dilatih secara intensif oleh En. Hailan Abdul Hamid, seorang MOS Certified Trainer yang telah diiktiraf oleh pihak Microsoft. Kesemua peserta yang menyertai kursus ini layak menduduki peperiksaan dan telah lulus dengan cemerlang serta diiktiraf sebagai Microsoft Office Specialist (MOS) - MS PowerPoint 2019 - Associate.



UNIT LATIHAN DAN PEMBANGUNAN STAF

KURSUS PEMBANGUNAN APLIKASI ANDROID LANJUTAN

Bertepatan dengan bidang yang ditawarkan di KKKP iaitu Sijil Teknologi Peranti Mudahalih, Unit Latihan & Pembangunan Staf KKKP telah mengambil inisiatif menganjurkan kursus bagi meningkatkan kompetensi pensyarah iaitu, Kursus Pembangunan Aplikasi Android (Lanjutan). Kursus yang telah berlangsung selama 4 hari bermula 16-19 Ogos 2022 yang lepas telah dihadiri oleh seramai 13 orang pensyarah dan pegawai




dari Kolej Komuniti Kuala Pilah sendiri secara hybrid menerusi aplikasi webex dan di Makmal Teknologi,

Selain bertujuan memberi pendedahan kepada bahasa pengaturcaraan Dart serta perisian Flutter, para peserta juga diberi tunjuk ajar secara praktikal bagi menghasilkan aplikasi Android

yang berhubung dengan pangkalan data Firebase. Para peserta juga didedahkan dengan kaedah dan cara melindungi kerahsiaan data melalui login dan logout page.

Diharapkan, dengan penganjuran kursus seumpama ini, mampu membuka ruang kreativiti dan inovasi kepada para peserta dalam penghasilan aplikasi Android selain meningkatkan kompetensi pensyarah dalam menjalankan sesi pengajaran



dan pembelajaran sesuai dengan kurikulum terkini yang ditawarkan.



UNIT PENYELIDIKAN INOVASI DAN PENGGOMERSIALAN

PERTANDINGAN PERISA 2021

Pertandingan Inovasi Pensyarah TVET 2021 telah berlangsung dengan jayanya.

Kolej Komuniti Paya Besar telah dipilih menjadi penganjur untuk tahun ini. Kolej Komuniti Kuala Pilah telah menghantar 3 penyertaan dari pensyarah. Tahniah diucapkan kepada semua peserta. Semoga inovasi dari pensyarah ini boleh memberi manfaat kepada semua terutama kepada pelajar. Semoga terus sukses dan cemerlang.



PENYELIDIKAN DAN INOVASI KKKP 2021

Penyelidikan, inovasi dan penerbitan bagai tidak dapat dipisahkan dengan dunia pendidikan. Sepanjang tahun 2021 KKKP telah menghasilkan sebanyak 5 kertas penyelidikan, 7 projek inovasi dan 10 penerbitan. Usaha yang berterusan ini merupakan salah satu langkah bagi mewujudkan budaya memperluaskan ilmu dikalangan institusi Tvet dan kepada pelajar khususnya.

BIL.	TAJUK PROJEK	NAMA	SEMINAR/ PERISIA/ PERSIDANGAN	PERINGKAT PENGUBATAN	PENCAPAIAN
1	1. Analisis KIR Trainee	NORMAZLINA BINTI OTHMAN NOROLIZAH BINTI ABU HASSAN KUZAHAN@NOOR AJUMA BINTI MAT HASSAN MAZITA BINTI AYUB	1-Congex 2021	Kebangsaan	Perak
2	2. MyKIKP version 2	SITI UBADAH BINTI YUSUF NURADZKIN BINTI FAZLIZ	1-Congex 2021	Kebangsaan	Perak
3	3. APLIKASI KKKPUNDI	MUHAMMAD AFIQ BIN BASIRON HELMIAH BINTI OTHMAN HELMIAH BINTI OTHMAN	PERISA 2021	Kebangsaan	Gangsa
4	4. KEEPI FOLDER	ALEXCIA NURI BINTI ABDULLAH NORMAZLINA BINTI ZUKRUFU NOOR AJUMA MAT HASSAN	PERISA 2021	Kebangsaan	gangsa
5	5. Aplikasi Mesti STA 3033	AMIR ARIEF ZAINAL ABDIN NOROLIZAH ABU HASSAN	PERISA 2021	Kebangsaan	gangsa
6	6. Aplikasi Android Pemantauan Kehadiran semasa (shahid) menggunakan kaedah Boring Atas Tallan	SHARIZAT BIN MOHTAR MOHD SHAFIE BI RAHAMAN HALLIAH BINTI ISMAIL RUZUAN BIN ZAINAL	Borneo Innovation Carnival 2021 (BINC21)	Kebangsaan	penyertaan
7	7. Smart Matawang 1.0	MUHAMMAD AFIQ BIN BASIRON	Pertandingan My Polyc Commercial Peringkat Kebangsaan 2021 (POLYCCOM 2021)	Kebangsaan	Emas

BIL.	TAJUK PROJEK	NAMA	SEMINAR/ PERISIA/ PERSIDANGAN	PERINGKAT PENGUBATAN	PENCAPAIAN
1	Kajian keberkesanan penggunaan Sistem Keadan Buku Terpakai Online (SIBuT) sebagai Alat Bantu Mengajar (ABM) dalam Pengajaran Subjek Keusahawanan MPU 1222	NOR AZURA BINTI SAMSUDIN (P) MOHD SHAFIE BIN HJ RAHAMAN HALLIAH BINTI ISMAIL	NASCO 2021 3rd National Conference in Sports & Co-Curriculum @ PMMB	Kebangsaan	Sijil Penyertaan
2	Analisa Pemahaman Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Dan Laporan Nilaiann Prestasi Tahunan (LNPT) Serta Penggunaan Rubrik Penilaian Di kalangan Pegawai Kolej Komuniti Kuala Pilah	TS. AHMAD AFANDI BIN ABD KHALIL NORMAZLINA BINTI OTHMAN (P) FARAH ZURIN BINTI SALLEH	SEMINAR PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT 2021	Kebangsaan	Sijil Penyertaan
3	Persepsi Penggunaan Aplikasi Mobas@Psh Dalam Pemantauan Pencapaian Prestasi Psh Di Kalangan Ppgt Kolej Komuniti	NOROLIZAH ABU HASSAN (P) NORMAZLINA OTHMAN NOOR AJUMA MAT HASSAN	SEMINAR PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT 2021	Kebangsaan	Sijil Penyertaan
4	Keberkesanan Pembelajaran dan Pengajaran (PBP) Kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Secara Dalam Tallan.	SUZANNA BINTI SAMSUDIN MARIAM BINTI SAMSUDIN NORZITA SUZALIN BINTI MOHD ALI	Borneo National Conference 2021 (BorNc'21)	Kebangsaan	Sijil Penyertaan
5	Pengaruh e-games Terhadap Solat Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Sabah	MUHAMMAD AFIQ BIN BASIRON (P) RUZUAN BIN ZAINAL DICKY WITTAN TOTO NGADIMAN	NASCO 2021 3rd National Conference in Sports & Co-Curriculum @ PMMB	Kebangsaan	Sijil Penyertaan

UNIT KEUSAHAWANAN

HELMIAH BINTI OTHMAN

SIJIL (PERSEDIAAN KEUSAHAWANAN) SERVIS & BAIKPULIH TELEFON PINTAR

Kolej Komuniti Kuala Pilah telah menganjurkan Sijil (Persediaan Keusahawanan) Servis dan Baikpulih Telefon Pintar bermula Jun sehingga Oktober 2022. Seramai 12 orang peserta daripada pelbagai negeri terlibat dalam program yang berlangsung selama 5 bulan ini. Program ini bertujuan untuk melatih dan menghasilkan pelajar yang berkemahiran dan berdaya saing dalam bidang keusahawanan servis dan baik pulih telefon pintar seiring dengan keperluan industri. Semua peserta akan melalui proses pdpr teknikal dan keusahawanan selama 2 bulan, 1 bulan latihan industry dan 2 bulan bagi program business start up. Di akhir program,



majoriti peserta dapat menjana pendapatan tambahan selepas mempraktikkan ilmu yang dipelajari di kolej dan juga industri. Program ini juga mampu meningkatkan keyakinan mereka untuk menjadi usahawan servis dan baikpulih telefon pintar yang Berjaya.



JUALAN KEUSAHAWANAN STA 3 TAHUN 2021

Satu Jualan Keusahawanan telah diadakan pada 9 & 10 November 2021 (Selasa & Rabu). Program ini disertai oleh pelajar-pelajar STA 2A dan STA 2B, Sijil Peranti Teknologi Mudah Alih KKKP. Program ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada pengetahuan dan kemahiran secara teori dan amali mengenai keusahawanan. Melalui aktiviti perniagaan ini pelajar akan mempelajari kemahiran kearah keusahawanan dengan memahami produk, peletakan harga, promosi, pengagihan dan kewangan. Jualan ini juga bertujuan memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai dunia perniagaan yang sebenar.

Selain itu juga pelajar di beri peluang untuk menandatangani ieda perniagaan secara offline dan hasil aktiviti jualan ini pelajar dapat menyediakan kos pelaksanaan projek dan pengiraan untung rugi perniagaan.



UNIT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

PROGRAM KEUSAHAWANAN KOMUNITI KIT KEMAHIRAN IBU TUNGGAL

Program Keusahawanan Komuniti "Kit Kemahiran Ibu Tunggal" merupakan satu program yang

bertujuan untuk memberi peluang kepada golongan ibu tunggal di sekitar Kuala Pilah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran disamping dapat menjaga pendapatan dan ekonomi keluarga. Seramai 8 orang peserta terpilih untuk menyertai program ini dimana 3 orang peserta dari kumpulan B40 ini adalah penerima bantuan kewangan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kursus yang telah dilaksanakan bagi mencapai objektif program ini adalah kursus dalam



bidang kulineri iaitu pembuatan kek. Hasil daripada kursus yang telah dijalankan dari Oktober 2021 - November 2021, 8 daripada keseluruhan peserta telah memulakan perniagaan menjual kek dari rumah. Di akhir program ini, setiap peserta diberikan starter kit yang berbentuk peralatan untuk pembuatan kek seperti Loyang, spatula, whisk, turntable cake dan beberapa peralatan lagi bagi membantu peserta memu-

KURSUS ROBOTIK BERSAMA SMK JELAI KUALA PILAH

Rank	Name	IC Number	School
1ST	LEE HAO SHEN	NEB6001	SMK CHI WEN
2ND	NUR ATHIRAH LIYANA BINTI AZNEE	NEA6004	SMK JELAI KUALA PILAH
3RD	LOW JUN JIE	NEB6001	SMK CHI WEN
4TH	WONG JIA YAO	NEB6001	SMK CHI WEN
5TH	SYAZANI ASMA HASANAH BINTI HARIF FAZILLA	NEA6004	SMK JELAI KUALA PILAH

TAHNAH kepada 3 orang pelajar SMK Jelai, Kuala Pilah yang mendapat tiga (3) terbaik di NEGERI SEMBILAN dalam RAC2021 yang dianjurkan oleh Cytron Technology peringkat negeri dan kesemua 5 orang dapat mewakili ke peringkat kebangsaan pada 13-15 September 2021.

KKKP telah membantu pelajar SMK JELAI ke Pertandingan RAC2021 National Level melalui Kursus Pendek kategori IR4.0 yang dibantu oleh Pensyarah KKKP secara bersemuka dan Online. Kami rasa berbangga kerana penyertaan sulung, telah membawa kejayaan SMKJ ke peringkat kebangsaan. Pertandingan pada kali ini melibatkan 3 kategori iaitu iaitu Rero micro, Rero Junior dan Picabot. Setiap pelajar akan mengambil ujian dan akan diberi markah mengikut skema berikut.


80% ke atas - Distinction (Cemerlang)

70% ke atas - Merit

60% ke atas - Pass

Kami doakan yang terbaik buat Pasukan SMKJ

Mohd Shafie b. Rahaman



UNIT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Norzita Suzalin bt Mohd Ali

PENCAPAIAN KURSUS PENDEK SEPANJANG TAHUN 2021



Sepanjang tahun 2021, Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat Kolej Komuniti Kuala Pilah telah menganjurkan sebanyak 86 jenis kursus pendek dari pelbagai kluster kursus. Kursus-kursus pendek yang telah dilaksanakan telah disertai oleh seramai 1215 peserta yang terdiri daripada pelbagai golongan lapisan masyarakat sekitar Kuala Pilah, Jempol dan Seremban. Secara umumnya, Program PSH Kolej komuniti adalah bertujuan

untuk menyediakan latihan bagi meningkatkan kemahiran (up-skilling) dan melatih semula (re-skilling) untuk keperluan tenaga kerja setempat. Kolej komuniti memainkan peranan yang sangat besar sebagai hab pembelajaran sepanjang hayat dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta meluaskan akses pembelajaran sepanjang hayat yang berkualiti kepada masyarakat. Diharapkan kursus-kursus pendek yang telah dilaksanakan di Kolej Komuniti Kuala Pilah ini dapat meningkatkan kemahiran, penge-



TRAINING OF TRAINERS BAIKPULIH TELEFON PINTAR

KKKP merasa sangat bertuah, apabila telah menerima peserta kursus pendek dari kalangan pensyarah Jabatan Elektrik, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor. Kursus Baikpulih Telefon Bimbit (Android & iOS) yang bermula pada 23 Mac 2021 yang lalu dan berakhir pada 25 Mac 2021, telah diberi tunjuk ajar secara 'hands on' oleh tenaga pengajar berpengalaman mengajar kursus baikpulih di Kolej Komuniti Kuala Pilah. Sepanjang kursus para pensyarah telah didedahkan dengan kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran membaiki telefon pintar. Perkongsian ilmu ini diharap dapat memberi manfaat yang berguna dan disebarluaskan kepada pelajar politeknik. Semoga kursus seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan.



PROGRAM MEMPERKASA WANITA 2021

Program Memperkasa Wanita 4K (Keluarga, Kerjaya, Kesihatan dan Kemasyarakatan) telah berlangsung pada 9-10 November 2021 bertempat di Kolej Komuniti Kuala Pilah.

Program yang berlangsung selama 2 hari dengan pengisian 10 jenis kursus pendek telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari 150 orang komuniti setempat untuk menyertai kursus-kursus tersebut. Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh Puan Suzlyana binti Mahayuddin.

Antara kursus pendek yang ditawarkan ialah kursus Asas Drone, kursus Deko Cup Cakes, kursus Delivery Bouquet, kursus Asas baikipulih Telefon Pintar dan banyak lagi.



Impak program ini adalah untuk melahirkan komuniti wanita yang berkeyakinan dan berkemahiran serta dapat meningkatkan potensi diri, bakat dan nilai keusahawanan dalam diri peserta. Di harapkan program-program seperti ini akan dapat dijalankan lagi di masa-masa akan datang.

Helmiyah binti Othman



Puan Suzlyana Binti Mahayudin, Pemimpin Masyarakat Komuniti Wanita & Belia Kawasan Kuala Pilah bersama Tuan Pengarah ketika Program Memperkasa Wanita 4K 2021

UNIT PENTADBIRAN

SELAMAT DATANG KE KKKP



Puan Helmiah Othman
4 Januari 2021
Pensyarah



En. Hairol Samsul b.
Ithnin
23 Ogos 2021
Peg Perhubungan
Industri & ALumni



Puan Umahwathy A/P
Sundararaju
13 September 2021
Pensyarah



Mdm Helen
Yong Lee Geok
13 September 2021
Pensyarah

JASA DIKENANG BUDI DISANJUNG



Cik Wan Zara Natasha
17 Mei 2021
Pensyarah
Politeknik Ungku
Omar, Ipoh



Puan Nurasyikin Fazil
17 Mei 2021
Pensyarah
Politeknik Sultanah Bahiyah
Kulim Kedah

KELAB STAF

Halijah Ismail

SELAMAT BERTUGAS JAWATANKUASA KELAB STAF BAHARU

Majlis Penyerahan Jawatankuasa Kelab Staf kepada Jawatankuasa yang telah di pilih telah pun berlangsung dengan jayanya. Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan terima kasih kepada barisan Jawatankuasa Kelab Staf yang telah menjalankan tugas sejak 19 April Tahun 2018, asalnya seramai 8 orang hanya tinggal 5 orang berpindah : Tn Hj Mohd Shafie, En Amir Arief, Pn Suzana, Pn Halijah & Pn Siti Ubaidah. Selamat menjalankan tugas kepada semua yang terpilih. Semoga kebajikan Staf KKKP terbela dan di raikan sentiasa. Tidak lupa sekalung tahniah kepada En. Hairol Samsul selaku Pengerusi Kelab Staf KKKP yang baharu.



KKKP BERSATU HATI MELAWAN COVID 19



eISSN 2805-5128



9 772805512002

HAK CIPTA TERPELIHARA
TIDAK DIBENARKAN MENGELUAR ULANG MANA-MANA
BAHAGIAN ARTIKEL, ILLUSTRASI DAN ISI KANDUNGAN
BULETIN INI.
TERBITAN TAHUN 2022